Utusan Malaysia

Sesi sekolah di Johor Isnin hingga Jumaat Januari 2025



GAMBAR HIASAN

11 Oktober 2024, 4:42 pm

KOTA TINGGI: Sesi persekolahan Johor Isnin hingga Jumaat akan dilaksanakan pada 1 Januari 2025 selaras dengan pertukaran cuti hujung minggu di negeri ini yang bermula tahun depan.

Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan dan Penerangan Johor, Aznan Tamin berkata, di peringkat persekolahan juga perlu mengikutinya bagi menjunjung titah Pemangku Sultan Johor, Tunku Mahkota Ismail berhubung pertukaran cuti hujung minggu itu.

“Bila sudah diumumkan 1 Januari 2025 kena ikut dengan tarikh berkenaan cuti sekolah itu.

“Jadi ia akan berterusan mungkin boleh praktikal dahulu pada bulan pertama (Januari) dari segi pengurusan pembelajaran dan transport anak-anak,” kata beliau selepas hadir program Karnival Literasi Undang-Undang Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang Jabatan Perdana Menteri dirasmikan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi), Datuk Seri Azalina Othman Said di Dewan Kejora, Bandar Penawar, Kota Tinggi, hari ini.

Aznan yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjung Surat berkata, satu mesyuarat telah dilakukan berkenaan penyelarasan itu di antara Jabatan Pendidikan Negeri Johor (JPNJ) juga Jabatan Agama Islam Negeri Johor (JAINJ).

“Cuma pada hari Jumaat sahaja sesi persekolahan akan tamat lebih awal pukul 12 tengah hari dan disambung pukul 2.30 petang untuk sesi petang ini akan lakukan pada tahun depan.

“Kita akan sentiasa bersama jabatan pendidikan negeri dan Pejabat Pendidikan Islam Daerah (PPID) untuk bantu dari segi prosedur anak-anak bersekolah,” katanya.

– UTUSAN